

Ambil Serius Amaran Anwar – Dr Mahathir
ABN News
06 February 2013

KUALA LUMPUR — Amaran Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai demonstrasi ala "Arab Spring" di Malaysia perlu diambil serius kerana obsesi Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat itu untuk menjadi Perdana Menteri.

Tun Dr Mahathir Mohamad mengeluarkan pendapat ini berdasarkan pengetahuan tentang keupayaan Anwar untuk melakukan huru-hara.

Mantan Perdana Menteri itu berkata Anwar telah membuktikan dirinya sebagai "juara" demonstrasi di masa lalu.

"Sebaik sahaja beliau keluar daripada kerajaan, terdapat demonstrasi setiap minggu. Obsesi beliau untuk menjadi perdana menteri akan mendorong beliau mewujudkan "Arab Spring" supaya cita-citanya menjadi kenyataan.

"Bagi dirinya, beliau tidak peduli sekiranya kestabilan dan ekonomi negara terjejas teruk asalkan beliau dapat menjadi perdana menteri," kata Dr Mahathir dalam entri terbaharu dalam blog beliau bertajuk 'Janji Anwar' di www.chedet.cc hari ini.

Entri terbaru itu ditulis bagi mengulas janji Anwar untuk mengatur "Arab Spring" di Malaysia seperti dilaporkan di Australia.

Dr Mahathir berkata semasa memegang jawatan Menteri Pelajaran pada 1974, Anwar telah menganjurkan demonstrasi pelajar mendakwa kebuluran telah menyebabkan kematian seorang budak lelaki di Baling, Kedah; tetapi tiada demonstrasi serius selama 16 tahun apabila beliau menyertai kerajaan.

Namun katanya Anwar telah menganjurkan demonstrasi setiap Sabtu apabila beliau dipecat daripada jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri yang telah menjejaskan perniagaan di Kuala Lumpur berikutan orang ramai mengelak daripada pergi ke ibu kota.

"Anwar tahu akan impak teruk daripada demonstrasi besar-besaran yang beliau anjurkan itu terhadap ekonomi Malaysia. Rakyat Malaysia mungkin dapat didesak untuk mengundi partinya bagi mengelakkan ekonomi mereka terjejas oleh demonstrasi.

"Adalah amat menyedihkan bagi Malaysia jika ugutan sebegini dibuat untuk memenangi pilihan raya," katanya.

Ujar beliau Anwar akan menganjurkan demonstrasi melibatkan ratusan ribu orang — sepertimana dilakukannya pada demonstrasi 'Bersih' – bagi menjatuhkan kerajaan sekiranya beliau kalah dalam pilihan raya umum akan datang.